

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.0 Pendahuluan**

Setelah menghuraikan dengan teliti hasil kajian kes yang dijalankan, dalam bab ini pengkaji akan membuat rumusan mengenai perkaitan kognisi, bahasa dan komunikasi. Sebelum itu, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan tentang kaedah pengajaran yang sesuai bagi menggalakkan lagi pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Rumusan yang dibuat adalah berdasarkan model carta aliran yang telah dibina mengenai perkaitan antara kognisi, bahasa dan komunikasi dan hasil kajian kes yang telah dibentangkan.

#### **5.1 Cadangan kaedah menggalakkan pemerolehan bahasa**

Perkara ini lazimnya tidak disentuh oleh pengkaji apabila membincangkan pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Di sini pengkaji mengambil inisiatif untuk memberikan beberapa cadangan tentang kaedah yang sesuai untuk digunakan bagi menggalakkan pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Cadangan ini dibuat berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan terhadap subjek. Antara kaedah yang sesuai ialah kaedah tunjuk objek, kaedah latih tubi, kaedah gerak laku, kaedah menggunakan leksikal yang mudah, kaedah pengajaran mengikut

situasi, kaedah menggalakkan kanak-kanak bercakap serta kaedah penggunaan bahan elektronik.

### **5.1.1 Kaedah tunjuk objek**

Kaedah tunjuk objek ialah kaedah yang paling berkesan pada peringkat permulaan bahasa. Ini kerana konsep benda maujud itu adalah lebih kekal disimpan di dalam ingatan kanak-kanak dan apabila kanak-kanak ini melihat semula benda tersebut maka dia akan cuba untuk mengingati apa yang pernah dilihat sebelumnya. Ini akan dapat menguatkan memori kanak-kanak tersebut. Pada peringkat awal, misalnya subjek akan memanggil semua benda yang bulat sebagai "ball". Apabila ditunjukkan belon dan tembikai dia masih menamakan "ball" sehinggalah diberitahu bahawa ia belon ataupun tembikai.

Bagi mendapatkan maklum balas sama ada konsep objek maujud itu dapat ditanggap oleh subjek atau tidak, pengkaji beberapa kali cuba menunjukkan objek yang sama dan bertanya, 'ini apa?' Didapati bahawa setelah beberapa kali ditanya, subjek dapat menyimpan nama benda itu dalam ingatannya dengan baik.

### **5.1.2 Kaedah latih tubi**

Kaedah ini amat berkesan bagi membolehkan kanak-kanak mengenali, mengecam dan mengingati sesuatu objek atau peristiwa. Dalam hal ini,

pengkaji cuba melihat keupayaan subjek dalam proses mengenali, mengecam, mengingati, dan seterusnya menamakan kembali objek atau peristiwa berkenaan.

Pengkaji, misalnya menunjukkan beberapa objek dan menggalakkan subjek menyebutnya. Sekiranya ada objek yang tidak dikenali maka pengkaji akan menyebutnya sekali dan meminta subjek mengikut sebutan tadi. Proses ini berulang dan didapati bahawa latih tubi ini memberikan keputusan yang amat baik dalam melihat perkembangan kognitif subjek. Adakalanya sebutan subjek kurang jelas, tetapi pengulangan beberapa kali dapat mengatasi kelemahan itu dan akhirnya subjek dapat menyebutnya dengan baik.

### **5.1.3 Kaedah gerak laku atau gerak kerja**

Apabila kanak-kanak mencapai peringkat umur melebihi setahun, pergerakan kanak-kanak lebih aktif daripada sebelumnya. Pada masa ini kanak-kanak gemar melakukan gerak kerja. Subjek, misalnya amat seronok apabila melakukan gerak kerja seperti mengangkat tangan, berdiri, berjalan, tepuk tangan, dan sebagainya. Sambil memberi arahan untuk melakukan gerak kerja, kita juga perlu menggalakkannya untuk menyebut atau menyatakan apa gerak kerja yang sedang dilakukan. Subjek kelihatan berbangga apabila dia berjaya melakukan setiap gerak kerja tersebut. Misalnya, pengkaji menyuruhnya "angkat tangan", subjek akan mengangkat kedua-dua tangannya sambil ketawa. Apatah lagi kejayaannya melakukan

gerak kerja tersebut diikuti dengan ganjaran, seperti pujian tepukan dan ciuman. Kaedah ini adalah sesuai, terutama dalam mengkaji tahap pemahaman kanak-kanak terhadap sesuatu arahan.

#### 5.1.4 Penggunaan leksikal yang mudah

Adalah jelas bahawa setiap kanak-kanak akan mengikut pola pemerolehan bahasa yang tersendiri. Perkataan yang diperolehi pula adalah daripada bentuk yang mudah kepada yang lebih kompleks. Subjek sendiri, misalnya lebih mudah menyebut perkataan yang mempunyai suku kata yang lebih pendek. Oleh itu, pada tahap awal didapati bahawa subjek lebih dahulu dapat menyebut objek dalam bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa ibundanya. Misalnya perkataan kereta (3 suku kata) sedangkan *car* (1 suku kata).

Contoh:

Bola	⇒	<i>ball</i>
Kasut	⇒	<i>shoe</i>
Jalan	⇒	<i>walk</i>
Rumah	⇒	<i>house</i>
Ambil	⇒	<i>take</i>
Makan	⇒	<i>eat</i>
Duduk	⇒	<i>sit</i>
Menangis	⇒	<i>cry</i>

### **5.1.5 Penyebutan yang betul**

Kaedah ini amat penting dan sering dilupakan oleh orang dewasa. Orang dewasa ada kalanya leka dan berasa seronok mendengar pelat bahasa kanak-kanak. Pelat ini sebenarnya wujud kerana kanak-kanak masih di peringkat melatih organ-organ ujaran dan biasanya beransur kurang.

Subjek, misalnya menyebut [cucu] bagi susu, [ɛkut] bagi ikut, [ɛkan] bagi ikan, dan sebagainya. Pengkaji berusaha membaiki sebutannya beberapa kali dan selepas beberapa waktu menampakkan perubahan yang semakin baik dan mengelakkannya daripada bercakap pelat. Ini meninggalkan kesan yang positif kerana didapati setelah usianya menjangkau hampir dua tahun, sebutan subjek semakin jelas dan adakalanya pelatnya hilang terus.

### **5.1.6 Menggalakkan kanak-kanak bercakap**

Kanak-kanak seharusnya digalakkan untuk bercakap bagi mengembangkan proses kognisi dan menambahkan unsur leksikal. Kanak-kanak pada peringkat awal pemerolehan bahasa, lazimnya gemar bercakap. Adakalanya sesetengah ibu bapa memarahi anak mereka kerana bagi mereka, kesukaan anak itu mengeluarkan bunyi bising, terutama apabila kanak-kanak itu mempunyai adik yang kecil dianggap akan mengganggu adiknya, terutama ketika tidur. Ini ialah suatu tindakan yang negatif dan

seharusnya dihindari. Ketika kanak-kanak sedang bercakap juga seharusnya mereka tidak disampuk atau diganggu. Apabila ada sesiapa sahaja menyampuk, idea yang berada di dalam minda kanak-kanak akan hilang dan ini bermakna perkembangan kognitifnya terganggu. Bahkan jika kita menyampuk, ini akan menyebabkan kanak-kanak ini teragak-agak untuk bercakap dan menghasilkan bunyi seperti gagap.

Ini pernah diuji pada subjek, iaitu ketika dia sedang menceritakan pengalamannya di taman permainan, pengkaji menyampuk, dan ini menyebabkan dia menyebut a, a.... dan akhirnya dia menangis kerana marah tidak diberi peluang bercakap. Ini boleh menyebabkan kanak-kanak itu menjadi pendiam kerana kurangnya keyakinan untuk bercakap.

#### **5.1.7 Pengajaran mengikut situasi**

Kaedah ini adalah sangat sesuai bagi menguatkan daya ingatan kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak akan mudah memproses kognisi mereka apabila mereka mengalami situasi tersebut. Pengalaman yang dilalui oleh mereka itu secara tidak langsung akan diungkapkan melalui ucapan kerana kanak-kanak lazimnya ghairah bercerita tentang pengalaman yang dilaluinya. Ini dibuktikan apabila subjek boleh menggunakan bahasa mengikut situasi, misalnya ketika pergi ke restoran KFC, subjek boleh meminta ayam goreng, air milo, dan "fries".

### **5.1.8 Penggunaan bahan elektronik atau bahan cetak.**

Kini, bahan-bahan elektronik dan cetak lebih mudah didapati. Bahan-bahan cetak boleh terdapat dalam bentuk kamus bergambar, kad imbasan, carta, dan sebagainya, manakala bahan elektronik adalah seperti komputer, VCD, televisyen, radio, dan sebagainya. Kebijaksanaan ibu bapa dalam memilih bahan-bahan ini adalah penting. Ibu bapa perlulah menapis dahulu setiap bahan yang hendak ditunjukkan, terutama di dalam VCD bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini.

Subjek sendiri, misalnya dapat menguasai abjad ABC serta bilangan dengan lebih cepat, iaitu ketika berusia 1:7 dan dapat menyebut "*A for apple*", "*B for boy*" dan sebagainya kerana dia kerap menonton VCD yang menyiarkan lagu-lagu, gambar, lakonan dan juga kartun di dalam 'disk' tersebut. Subjek juga lebih berminat untuk belajar melalui bahan bergambar.

Jadi, jelaslah di sini bahawa adalah penting ibu bapa mengambil berat mengenai kaedah yang sesuai bagi menggalakkan pemerolehan dan pembelajaran bahasa anak-anak dari peringkat awal lagi. Ini akan mengembangkan kognisi mereka di samping memantapkan kebolehan berbahasa dan komunikasi.

## 5.2 Rumusan kajian

Otak manusia seperti satu perenti di dalam komputer yang dinamakan Unit Pemrosesan Maklumat (CPU) yang kesemua arahan atau maklumat dihantar terus ke unit ini untuk tindakan dan proses yang selanjutnya. Apa yang membezakannya ialah otak atau minda manusia itu mempunyai keupayaan membuat keputusan sendiri serta menganalisis sesuatu dengan lebih baik berasaskan pengalaman atau pengetahuan yang dimiliki atau dipelajari sedangkan komputer itu diprogram oleh manusia.

Terdapat beberapa peringkat pemerolehan bahasa yang perlu dilalui oleh subjek bahkan kanak-kanak normal yang lain, meliputi peringkat pemerolehan fonologi, pemerolehan morfologi, pemerolehan sintaksis dan pemerolehan semantik. Didapati bahawa pemerolehan semantik mendahului peringkat lain di dalam pemerolehan bahasa. Ini dibuktikan melalui kajian terhadap subjek, misalnya sebelum subjek dapat bercakap, dia sudah boleh menyatakan kehendak atau keinginannya di dalam bentuk aksi yang ditunjukkan.

Satu andaian harus dibina bahawa hubungan antara ketiga-tiga unsur ini hanya dapat dilihat apabila bahasa yang digunakan dikuasai dan difahami oleh kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar. Ini kerana komunikasi berlaku dengan adanya mesej atau makna yang hendak disampaikan. Makna disampaikan daripada seorang kepada seorang yang lain secara lisan



hanya apabila penutur telah menterjemah makna yang ingin disampaikan ke dalam bentuk eksternal dan pendengar menterjemahkannya semula ke dalam representasi makna (Foss&Hakes;1978:12). Sekiranya mesej yang disampaikan tidak jelas dan tidak difahami, ini akan menyebabkan kegagalan mewujudkan perilaku ataupun ucapan seterusnya. Ucapan melalui bahasa yang tidak difahami hanya menimbulkan bunyi bising yang tidak bermakna.

Pola aksi dan pola pengucapan bersifat pelengkap. Aksi tanpa pengucapan pula agak kurang lengkap kerana tafsiran yang berbeza mengenai aksi bagi setiap individu, misalnya aksi subjek yang berlari ke arah pengkaji apabila mendengar bunyi loceng boleh ditafsirkan sebagai takut kepada bunyi, ingin meminta sesuatu ataupun bermain. Jadi aksi subjek lari ke arah pengkaji diikuti dengan ucapan "Umi, Shera nak aiskrim", menunjukkan bahawa makna ucapan itu adalah jelas, bagi tindakan selanjutnya. Pengucapan tanpa aksi juga tidak jelas, misalnya ketika subjek menyatakan "Umi, nak" tanpa menggelengkan kepala, pengkaji menganggap bahawa subjek masih mahukan susu. Ini bermakna penyampaian makna ialah bentuk linguistik yang terdiri daripada lisan, prosodi, paralinguistik dan bentuk aksi serta jarak, iaitu kinesik dan fitur-fitur dirian interaksi.

Kanak-kanak mempunyai ilusi atau bayangan pada peristiwa yang biasanya digambarkan menerusi bahasa dan komunikasi. Bayangan ini ialah proses kognitif yang berlaku yang mungkin berpunca daripada sesuatu rangsangan. Ini dapat dibuktikan menerusi pemerhatian pada subjek bahkan

individu normal yang lain. Kalau diperhatikan dengan teliti, apabila kanak-kanak sudah boleh bercakap, mereka gemar melakonkan watak-watak seperti yang wujud dalam alam nyata. Misalnya, subjek menggayakan aksi seolah-olah sedang bercakap dengan menggunakan telefon dengan seseorang. Cara dia berkomunikasi melalui telefon seolah-olah dilayan oleh pihak satu lagi dan ada kesinambungan hubungan dalam menggunakan bahasa. Subjekn juga pernah berlakon seolah-olah sedang mengambil pesanan makanan di kedai makan. Ini berlaku berasaskan pengalaman subjek itu sendiri yang mengikut keluarganya makan di kedai makan.

Aturan proses yang sama dengan subjek tadi kemudiannya turut berlaku pada pengkaji, penjual aiskrim bahkan individu yang normal lain. Apa yang membezakannya ialah kandungan maklumat, corak penyampaian, kadar kecepatan dan tindak balas yang diambil oleh setiap individu. Ini berasaskan kepada unsur-unsur komunikasi seperti yang telah dibincangkan di dalam bab dua (2). Ini sebabnya dikatakan bahawa kognisi dan komunikasi itu satu proses, iaitu tidak statik tetapi terus bergerak dan bersifat dinamik. Proses ini boleh berlaku di mana-mana, dan sukar ditentukan permulaan dan pengakhiran tetapi kejadian yang berlaku hasil proses ini adalah tetap dan teratur (Shamsuddin;1993:18).

Berkaitan dengan unsur-unsur ini juga, didapati bahawa antara rangsangan dan gerak balas boleh saling bertukar fungsi. Hubungan

rangsangan gerak balas ini dapat dilihat dengan jelas di dalam rajah di bawah:

JADUAL 15 : Jadual menunjukkan hubungan rangsangan – gerak balas

RANGSANGAN	GERAK BALAS
Bunyi loceng sebagai rangsangan utama.	Subjek berlari ke arah pengkaji dan menyatakan "Umi, Shera nak aiskrim".
Ucapan dan aksi subjek meminta aiskrim	Pengkaji masuk ke dalam rumah lalu mengambil wang.
Penjual aiskrim melintasi halaman rumah.	Pengkaji melambai tangan untuk memanggil penjual aiskrim.
Aksi lambaian pengkaji.	Penjual aiskrim berhenti.
Penjual aiskrim berhenti.	Subjek meminta dirinya didukung sambil berkata "Umi, dukunglah".
Permintaan subjek untuk didukung.	Pengkaji mendukung responden.
Dukungan pengkaji, subjek melihat peti aiskrim.	Subjek memilih aiskrim dan menyatakan "nak yang oren".
Pilihan perisa oren oleh subjek.	Penjual aiskrim mengambil dan memberikan kepada subjek.
Penjual aiskrim memberikan aiskrim.	Subjek mengambil aiskrim.
Subjek mengambil aiskrim.	Pengkaji membayar wang.
Pengkaji membayar wang.	Penjual aiskrim mengambilnya.

Pemahaman konsep subjek didapati bersumberkan pengalaman lampau dan rangsangan yang berasaskan beberapa ciri, iaitu warna,

lambang, bentuk, bunyi peristiwa, pemetaan, rupa dan panggilan. Ciri-ciri ini jelas dibuktikan melalui beberapa contoh pada subjek. Bagi warna, apabila subjek melihat bas sekolah berwarna jingga, tanpa mengira apa jua bentuk, dia akan menjerit menyatakan "bas sekolah Kak Ti". Apabila pengkaji cuba menunjukkan bas-bas lain, seperti bas kilang yang berwarna biru, subjek menidakkannya dengan mengatakan "bukan bas sekolah Kak Ti". Begitu juga halnya apabila subjek melihat kereta Kancil berwarna perak, dia akan mengatakan "Kancil Chik". Contoh lain ialah teksi yang berwarna merah dan putih ialah "Teksi Tok Wan". Dalam hubungan ini, aspek bentuk dan nombor pendaftaran tidak diambil kira. Bahkan pemahaman konsep ini berdasarkan kepada pengalaman subjek seperti melihat Siti menaiki bas sekolah di hadapan rumah, dan sebagainya.

Lambang pula ialah unsur yang paling mudah dikenal pasti. Lambang-lambang ini dijumpai di mana-mana sahaja dan pengecaman responden terhadap lambang berdasarkan pengalamannya melihat dan mendengar sebutan tentang lambang tersebut. Lambang *Mc Donalds* (M), misalnya di sebut "*Mc Donald*" setiap kali subjek ternampak lambang tersebut. Pengecaman pola ini juga adakalanya menyebabkan kekeliruan pada pengecaman lambang yang hampir sama, misalnya iklan benang Minlon di televisyen turut menggunakan lambang (M) dan ini menyebabkan subjek menyebut "*Mc Donald*" sehinggalah iklan itu disiarkan sepenuhnya, barulah subjek berkata, "bukan *Mc Donald*". Contoh lain ialah lambang *Carrefour*, *Kentucky Fried Chicken* (KFC), *Pizza Hut*, dan sebagainya.

Pada peringkat awal, semua benda yang berbentuk bulat dinamakan "ball" oleh subjek. Ini kemudiannya semakin berubah apabila subjek semakin membesar dan sering dibetulkan dengan sebutan "ball"nya itu. Objek bulat seperti belon, tembikai, dan buah oren pada peringkat awal disebut "ball". Namun pada peringkat kajian ini, subjek belum dapat membezakan jenis-jenis bola berdasarkan kepada fungsinya.

Pada peringkat awal pemerolehan morfologi subjek, dia menamakan sesuatu benda berdasarkan bunyi yang didengarnya. Misalnya, kucing dipanggil "miaw" kerana bunyi kucing mengiau dan masjid di panggil "Allah Hu Akbar" kerana suara azan daripada masjid.

Kebolehan responden melihat dan mengingat sesuatu peristiwa yang dialaminya atau dilihatnya secara menyeluruh menunjukkan perkembangan kognitif yang semakin baik. Piaget (1952) misalnya melihat tahap perkembangan kognitif kanak-kanak berdasarkan beberapa peringkat, iaitu tahap deria motor, tahap praoperasi, tahap operasi konkrit dan tahap operasi formal. Tahap pemerolehan sintaksis subjek juga semakin baik apabila dia dapat menggambarkan peristiwa tersebut. Misalnya, subjek menyatakan "Chik jatuh kat sinilah, bunyi debuk, sakitkan?" merupakan satu gambaran yang agak lengkap subjek melihat kejadian tersebut. Antara contoh lain ialah : "Shera pergi playground kat jauh, dengan Aziq, dengan Nabila, dengan Mak Yong, Umi tinggal".

Pemetaan ini merupakan cara penting bagi melihat pola ingatan subjek mengenai sesuatu perkara. Subjek, setiap kali melalui Jalan Taman Melati akan menyebut "Ayah pergi LRT kot sana tu" sambil tangannya menunjukkan ke arah kanan, dan apabila ayahnya tidak membelok ke kanan, tetapi meneruskan perjalanan, subjek menyambung "Ayah nak pergi rumah Mak Yang ya." Subjek juga boleh mengingati jalan balik ke rumahnya apabila ayahnya melalui stesen minyak BP di Taman Sri Gombak.

Orang yang sering berada hampir dengan responden lebih senang dikenalnya. Misalnya, subjek cukup mengenali rupa dan panggilan untuk Ayah (bapa), Umi (ibu), nenek (pengasuh), Mak Yang (ibu saudara), Nabila (sepupu), Mama (ibu saudara) dan orang lain yang hampir. Apabila subjek berjumpa dengan neneknya di kampung, subjek mengambil masa untuk menyebut "Mak Tok". Ini memungkinkan subjek mengingati kata panggilan itu melalui proses kognitifnya.

Bagi seorang lelaki yang lebih dewasa daripadanya, subjek memanggil "abang", dan yang kecil daripadanya dipanggil "adik atau *baby*". Pada peringkat awal juga subjek membahaskan dirinya "Kakak" kemudian setelah berusia lebih kurang satu (1) tahun tujuh (7) bulan (1;7), subjek membahaskan dirinya "Shera". Jika ada sesiapa yang memanggilnya "kakak" dia akan membetulkan dengan menyatakan "bukan kakaklah, Shera".

Jadi jelas di sini dalam pemahaman konsep atau nama tersebut, subjek melalui proses kognisi dalam mengenali, mengingat, memahami dan melahirkannya semula melalui ucapan dan komunikasi. Jadi jelas proses kognitif subjek melibatkan pengaturan kod-kod bunyi yang dibuktikan melalui ucapan dan komunikasi dengan menggunakan bahasa.

Ini bermakna bahasa ialah median bagi proses kognitif dan komunikasi. Ini dibuktikan berdasarkan kajian kes bahawa dalam proses berfikir, individu itu menggunakan bahasa untuk memproses maklumat bagi tindakan selanjutnya bahkan komunikasi pula menggunakan bahasa untuk menyampaikan mesej dan mesej yang disampaikan itu ialah hasil penjanaan kognitif. Ini disokong oleh kenyataan Foss & Hakes, iaitu bahasa ialah suatu alat yang penting bagi komunikasi untuk individu gunakan, yang membolehkan manusia menceritakan mengenai sikap, maklumat, kecenderungan dan kebenarannya (1978:3).

Kognisi, bahasa dan komunikasi adalah saling memerlukan, dan saling melengkapi kerana kekurangan pada satu unsur akan menyebabkan kegagalan dalam keseluruhan proses. Misalnya, seseorang tidak boleh berfikir tanpa bahasa kerana bahasa itu melambangkan hasil pemikiran manakala komunikasi itu pula sebagai saluran menyampaikan hasil pemikiran itu.

Jadi kesimpulannya di sini, ketiga-tiga unsur, yaitu kognisi, bahasa dan komunikasi ialah tiga unsur yang mempunyai kepentingan serta hubungan yang amat erat di dalam diri individu normal, khususnya bahkan dalam masyarakat amnya. Bahasalah sebenarnya digunakan bagi menyatakan makna bagi apa yang kita fikirkan (proses kognisi) dan pernyataan itulah mewujudkan komunikasi yang mewujudkan hubungan sesama manusia.